



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 13 JANUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	1,200 HEKTAR BENDANG KADA TERJEJAS BANJIR, RUGI RM7.64 JUTA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 8	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
2.	KADA RUGI RM7.46 JUTA, 1,200 HEKTAR SAWAH TERJEJAS, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	
3.	PESAWAH BERANG PEMOTONGAN TIMBANGAN PADI TINGGI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	LAIN – LAIN
4.	DISCARDED NETS TURN INTO INCOME SOURCE FOR FISHERMAN IN SEPANG, KUALA LANGAT, EVENTS, THE STAR, M/S – 9	
5.	FARMS TO BE RELOCATED TO BKT TAGAR, NATION, THE STAR, M/S – 2	
6.	SULTAN TITAH TIGA KETETAPAN ISU PENTERNAKAN BABI DI SELANGOR, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 14	
7.	KERAJAAN SELANGOR TIDAK AKAN SEDIA PERUNTUKAN OPERASI TERNAKAN BABI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 10	
8.	BUKIT TAGAR 'RUMAH BAHARU' BABI, NEGARA, KOSMO, M/S – 1&2	
9.	TIADA LAGI PENTERNAKAN BABI DI TANJONG SEPAT – SULTAN SELANGOR, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 7	
10.	LADANG BABI AKAN SEGERA DIPINDAHKAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 7	
11.	'SELANGOR PUN TAK CUKUP, MACAM MANA NAK EKSPORT BABI, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 7	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	NEGERI	8

1,200 hektar bendang KADA terjejas banjir, rugi RM7.64 juta

KOTA BHARU: Sebanyak 1,200 hektar kawasan bendang dalam Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) terjejas banjir dengan nilai kerosakan tanaman dianggarkan bernilai RM7.46 juta.

Pengerusi KADA, Khalid Abd. Samad berkata, kebanyakan kawasan bendang terjejas banjir adalah di sekitar jajahan Bachok, dekat sini dengan bilangan keseluruhan petani terlibat seramai 465 orang.

Katanya, petani terlibat bagaimanapun bernasib baik apabila keseluruhan tanaman pada musim satu tahun 2025 yang berakhir pada Disember lalu dilindungi insurans, membolehkan mereka mendapat pampasan untuk kerugian dialami.

"Nilai keseluruhan tuntutan kepada Agrobank adalah RM3.587 juta tetapi boleh dika-

takan prestasi pengeluaran hasil bagi musim satu 2025 agak memuaskan dengan keadaan cuaca menyebelahi kita.

"Kita juga mendapati bencana banjir yang melanda Kelantan pada penghujung tahun lalu tidak mendatangkan masalah besar kepada bendang-bendang di kawasan KADA," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat KADA, di sini semalam.

Menurut Khalid, bagi musim dua 2025, seluas 7,000 hektar bendang KADA memulakan penanaman padi manakala sekitar 10,000 hektar siap dibajak tetapi belum memulakan proses penanaman.

"Secara umum, segalanya berjalan ikut jadual dan kita berusaha mencapai sasaran ditetapkan Kementerian Pertanian dan Ketahanan Makanan (KPKM) untuk menambah jumlah kawasan

penanaman dan meningkatkan hasil melebihi empat tan sehektar," katanya.

Beliau sedar bahawa penanaman musim kedua kebiasaannya berdepan ancaman kemarau dan berharap Stesen Pam Kemubu Tiga dan Empat dapat disiapkan pada hujung bulan ini.

"Sepatutnya ia sudah siap tetapi kerja-kerja akhir terpaksa ditangguhkan apabila paras air terlalu tinggi. Penyiapan dua stesen ini dijangka dapat menangani masalah pengairan sawah pada musim kemarau kerana ia berupaya menyedut air pada paras serendah satu meter.

"Apabila siap sepenuhnya, kita berhasrat menjemput Perdana Menteri merasmikannya kerana Stesen Kemubu Empat dilancarkan serta diberikan peruntukan khas RM20 juta oleh beliau sendiri," katanya.

KADA rugi RM7.46 juta, 1,200 hektar sawah terjejas

KOTA BHARU – Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) mengalami kerugian sebanyak RM7.46 juta selepas kira-kira 1,200 hektar kawasan sawah seliaan agensi itu terjejas banjir pada hujung tahun lalu.

Pengerusinya, Khalid Abd. Samad berkata, kebanyakan kawasan sawah yang terjejas banjir berada di jajahan Bachok dekat sini dengan jumlah keseluruhan petani seramai 465 orang.

Menurutnya, petani terlibat bagaimanapun bernasib baik apabila keseluruhan tanaman pada musim pertama 2025 yang berakhir pada Disember lalu dilindungi insurans sekali gus membolehkan mereka mendapat pampasan.

"Nilai keseluruhan tuntutan petani kepada Agrobank dianggarkan lebih RM3.5 juta. Boleh dikatakan prestasi pengeluaran hasil bagi musim pertama tahun lalu agak memuaskan dengan

keadaan cuaca menyebelahi kepada petani.

"Kita juga mendapati bencana banjir yang melanda Kelantan pada penghujung tahun lalu tidak mendatangkan masalah besar kepada bendang-bendang di kawasan KADA," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat KADA di sini semalam.

Mengulas lanjut, Khalid memberitahu, sebanyak 7,000 hektar bendang KADA telah memulakan penanaman padi bagi musim

kedua 2025 manakala kira-kira 10,000 hektar sudah siap dibajak, namun masih belum memulakan proses penanaman.

Menurutnya, segala perancangan berjalan mengikut jadual dan KADA berusaha mencapai sasaran ditetapkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk menambah jumlah kawasan penanaman sekali gus meningkatkan hasil melebihi empat tan sehektar.

"Penanaman musim kedua ke-

biasaannya berdepan ancaman kemarau dan kita berharap Stesen Pam Kemubu Tiga dan Empat dapat dioperasikan pada hujung bulan ini.

"Sepatutnya ia sudah siap, tetapi kerja-kerja akhir terpaksa ditangguhkan apabila paras air terlalu tinggi. Dua stesen itu dijangka dapat menangani masalah pengaliran sawah pada musim kemarau kerana ia berupaya menyedut air pada paras serendah satu meter," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	NEGERI	28

Pesawah berang pemotongan timbangan padi tinggi

SUNGAI PETANI: Pendapatan 160 pesawah Unit 11 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merbok dijangka mengalami kerugian akibat tindakan pengilang yang memotong timbangan padi sehingga 24 peratus.

Mohammad Rashid Mat Isa, 62, terkejut apabila menerima pemotongan 24 peratus terhadap padi yang dihantar ke sebuah kilang beberapa hari lalu kerana pada musim lepas, pemotongan tidak melebihi 17 peratus.

Katanya, pemotongan antara 21 hingga 24 peratus berbanding 17 peratus pada musim sebelum ini mengurangkan pendapatan mereka.

"Ini amat memeranjatkan saya dan rakan pesawah lain yang turut mengeluh apabila mendapati potongan mereka tinggi. Sudahlah kita terpaksa berdepan potongan biasa akibat padi kotor, basah atau rosak, kini kami menanggung kos tambahan yang membebankan," katanya ketika menyertai bantahan aman di Kampung Segantang Garam, di sini semalam.

Seorang lagi pesawah, Abdul Mutalib Darus, 71, berkata, pemotongan tinggi dikenakan pihak kilang boleh menjejaskan pendapatan pesawah lebih-lebih lagi tanaman musim ini berdepan dengan pelbagai cabaran.

"Musim ini cukup mencabar apabila kami terpaksa

menanggung banyak kos termasuk membajak tanah, membeli benih, baja, racun serangga, serta upah menuai dan pengangkutan padi.

"Pemotongan tinggi dikenakan menyebabkan keuntungan kami peroleh sedikit berbanding penat bekerja, sedangkan hasil diambil pengilang adalah tinggi," katanya.

Azman Ahmad, 55, hairan apabila pihak kilang seolah-olah mempunyai kuasa menentukan pemotongan tanpa mengikut garis panduan.

"Apabila ditanya kenapa pemotongan terlalu tinggi, mereka tidak dapat menjawab. Kami berhempas pulas mengerjakan sawah untuk menyara keluarga, tetapi pulangan dikurangkan terlalu banyak," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob kesal kerana tindakan tidak bertanggungjawab pihak kilang boleh menjejaskan pendapatan pesawah yang sudah terbeban kos tinggi mengerjakan sawah.

"Kami akan memanjangkan aduan ini kepada pihak berkaitan agar ada jalan penyelesaian. Kami berharap pengilang lebih bertanggungjawab dan tidak sewenang-wenangnya membuat pemotongan tanpa mengambil kira mutu padi yang dijual," katanya.

Discarded nets turn into income source for fishermen in Sepang, Kuala Langat

FISHERMEN from Sepang and Kuala Langat in Selangor have turned in used fishing nets in a corporate social responsibility (CSR) programme aimed at promoting ocean safety and supporting sustainable food resources while creating income opportunities.

"Recycling Discarded Fishing Nets" held at Jeti Sepang Besar in Bagan Lalang was organised by Malaysian Bioeconomy Development Corporation, in collaboration with Nuplas Solutions Sdn Bhd and Selangor Fisheries Department.

The programme saw members of Sepang and Kuala Langat fishermen's associations discarding nets and gear into specially designated "NuNet" bins, and receiving up to RM1.50 per kg of used nets collected.

They were also briefed on cleaning and sorting processes before deposit, Bioeconomy Corporation said in its press release.

In his address, chief executive officer Mohd Khairul Fdzal Abdul Razak said the nets would be processed by Nuplas using bio-based technology into high-quality raw materials for products such as footwear, sports jerseys, vehicle interiors, and electrical tools.

The initiative helped address the issue of ghost nets and marine debris which threatened marine ecosystems and could compromise national food security, he said in his speech read out by corporate services senior vice-president Wan Hasnul



Wan Hasnul (left) with (from right) Low and Rosman showing the net collection initiative involving Sepang and Kuala Langat fishermen in Bagan Lalang.

Nadzrin Wan Sulong. "The recycling programme is important as it enables fishermen to help address the issue of discarded fishing equipment in Malaysian waters."

"According to WWF, more than one million tonnes of fishing gear, including nets, enter the ocean each year. "This not only poses risks to human health but also causes

the death of fish and other marine life, potentially contributing to food supply shortages." The initiative also gave fishermen an alternative income stream while encouraging

responsible disposal of fishing nets, Mohd Khairul said. "At the same time, the fishermen's participation contributes to the creation of new products from recycled materials and supports the implementation of a circular economy and sustainable lifestyle promoted by the government."

Many of the 60 fishermen taking part expressed strong interest in continuing the programme in the future.

Several also suggested placing additional bins in Kuala Langat to make participation easier.

The initiative, introduced for the first time in Sepang by Bioeconomy Corporation, is expected to benefit at least 385 fishermen across Sepang and Kuala Langat.

Nuplas has implemented similar collection programmes with 10 fishing communities in Kedah, Penang and Pahang.

Bioeconomy Corporation said the programme aligned with the government's focus on encouraging adoption of a circular economy and strengthening Malaysia's science, technology and innovation ecosystem.

Also present at the event were Nuplas Solutions chief executive officer Low Gin Yap and Kuala Langat and Sepang District Fisheries officer Rosman Wahab.

Farms to be relocated to Bkt Tagar

Selangor Sultan decrees operations in Tanjong Sepat must be shut down

By ALLISON LAI
and FARID WAHAB
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, has decreed that all pig farming operations in Tanjong Sepat, Kuala Langat must be shut down in stages and fully relocated to Bukit Tagar, with no new farms allowed to operate in the area.

In a statement issued by Istana Alam Shah, His Royal Highness said he had examined in depth issues related to the management and direction of pig farming operations in Selangor, taking into account public interest, environmental well-being and social harmony in the state.

According to the statement, Sultan Sharafuddin said the relocation from Tanjong Sepat to Bukit Tagar must be carried out in an orderly manner and in compliance with all legal requirements

and relevant regulations.

Sultan Sharafuddin also called for a detailed study and comprehensive census, based on verified data, to determine the actual demand and requirement for pork solely for consumption by non-Muslims in Selangor.

He stressed that there was no intention or plan to export any output from such farming operations.

"The findings of the study must be used as the main basis to determine the scale, capacity and land size for pig farming operations in Bukit Tagar, so that they remain reasonable and controlled," the statement read.

The statement came after His Royal Highness had granted an audience to Selangor infrastructure and agriculture executive councillor Datuk Izham Hashim and local government and tourism executive councillor Datuk Ng Suee Lim.

The Sultan also said that the Selangor government would not provide any financial allocation or make investments for any pig farming operations in the future, including in Bukit Tagar.

"All related matters must be carried out without involving public funds."

The statement said the Sultan expressed hope that all parties involved would implement these decisions responsibly, prudently and in accordance with the law to ensure the well-being of the people, environmental sustainability and harmony in Selangor's multi-racial society.

In a press conference later, Izham said the Selangor government will expedite the relocation and centralisation of pig farming operations across the state to Bukit Tagar within the year – four years ahead of the initial timeline in 2030.

He said efforts were being

intensified to settle land matters at the proposed site.

"I have discussed this with Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari and we will fast track the process."

"However, the state government will not disburse any funds and will only act as a facilitator," he told a press conference at the state secretariat building in Shah Alam.

Izham said he had earlier been granted an audience with Sultan Sharafuddin to brief the Ruler on measures being taken to prevent pollution in areas surrounding pig farms.

Izham said His Royal Highness acknowledged that such activities were necessary to ensure food security for non-Muslim communities.

However, they must not pose cleanliness and environmental problems.

Izham said the Selangor gov-

ernment would tighten regulations surrounding pig farming activities in Bukit Tagar.

"Farming activities must be carried out within closed spaces with sufficient buffer zones and zero discharge to surrounding drains and rivers."

"There are also concerns as waste takes a long time to treat due to high ammonia content."

Izham said Selangor has 114 pig farms, of which only 69 are active, producing some 100,000 pigs.

He said this figure can only fulfil 30% of demand in the state.

"How can we export when our production cannot even meet local demand?" he added.

Last Saturday, the Sultan expressed deep disappointment and disagreement with the state government's plan to allow pig farming operations in the Tanjong Sepat area beginning this year, before their relocation to Bukit Tagar in 2030.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/1/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Sultan titah tiga ketetapan isu penternakan babi di Selangor

Pemindahan operasi ke Bukit Tagar akan disegerakan pada tahun ini

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Tiada lagi penternakan babi di Kuala Langat, kaji kuantiti sebenar keperluan babi dan tiada peruntukan kewangan kerajaan negeri untuk operasi penternakan babi di Selangor pada masa depan.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan tiga ketetapan berkenaan selepas sesi menghadap EXCO Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Izham Hashim dan EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Selangor, Datuk Ng Suee Lim di Istana Bukit Kayangan, di sini pagi semalam.

Menurut kenyataan rasmi Istana Selangor, Sultan Sharafuddin sudah meneliti secara mendalam perkara berkaitan pengu-
rusan dan hala tuju operasi penternakan babi di negeri ini dengan mengambil kira kepentingan rakyat, kesejahteraan alam sekitar serta keharmonian sosial di negeri ini.

"Sehubungan itu, baginda memperkenankan dan menetapkan beberapa ketetapan.

"Pertama, baginda menitahkan agar tiada lagi operasi penternakan babi di kawasan Tanjung Sepat, Kuala Langat.

"Justeru, operasi sedia ada hendaklah dihentikan secara be-

rangsang-ansur dan seterusnya dipindahkan sepenuhnya ke kawasan Bukit Tagar, mengikut perancangan yang tersusun serta mematuhi semua keperluan perundangan dan peraturan berkaitan," menurut kenyataan itu semalam.

Bagi ketetapan kedua, baginda menitahkan agar satu kajian yang terperinci serta bimbingan menyeluruh berasaskan data yang sah perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti statistik serta kuantiti sebenar keperluan dan permintaan daging babi khusus untuk kegunaan rakyat bukan Islam di Negeri Selangor sahaja.

"Baginda menegaskan tiada sebarang tujuan atau perancangan untuk eksport hasil penternakan itu.

"Dapatan kajian ini hendaklah dijadikan asas utama dalam menentukan skala, kapasiti dan keluasan operasi penternakan babi di Bukit Tagar, agar ia kekal pada tahap yang munasabah dan terkawal," katanya.

Baginda juga menegaskan bahawa kerajaan Selangor tidak akan menyediakan sebarang peruntukan kewangan atau membuat pelaburan bagi mana-mana operasi penternakan babi pada masa hadapan.

"Ini termasuk di kawasan Bukit Tagar. Segala urusan berkaitan hendaklah dilaksanakan tanpa membabitkan dana awam negeri.

"Baginda berharap semua pihak yang terbabit dapat melaksanakan ketetapan ini dengan penuh tanggungjawab, berhemah dan mematuhi undang-undang, demi memastikan kesejahteraan rakyat, kelestarian alam sekitar serta keharmonian masyarakat berbilang kaum di negeri Selangor sentiasa terpelihara," katanya.



Sultan Sharafuddin menitahkan tiga ketetapan selepas sesi menghadap Izham dan Suee Lim di Istana Bukit Kayangan, semalam.

(Foto Selangor Royal Office)

Segera selesai isu tanah

Sementara itu, Izham menegaskan pemindahan ladang penternakan babi ke lokasi khas di kawasan Bukit Tagar akan diselesaikan pada tahun ini berbanding perancangan terdahulu di jangka pada 2030.

Justeru, langkah awal perlu diambil adalah penyelesaian isu tanah di Bukit Tagar termasuk status pemilikan tanah daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) di kawasan berkenaan.

"Sekarang kena percepatkan pemindahan ladang babi dari Kuala Langat dengan Sepang, tetapi tiada sumber kewangan daripada kerajaan negeri digunakan untuk sebarang projek ini.

"Kita akan cuba secepat mungkin untuk selesaikan isu tanah ini dan kita akan bincang juga kaedah macam mana untuk memudahkan penternak dapat

pindah ke Bukit Tagar yang berkeluasan 202.34 hektar.

"Di Bukit Tagar itu bukan tanah kerajaan sebaliknya tanah ladang kelapa sawit milik seorang individu, sangat jauh dari kawasan penduduk, penempatan orang ramai.

"Di Bukit Tagar, syarat diperketatkan dengan menggunakan konsep pertanian moden, tertutup, tiada kumbahan mengalir keluar, mesti ada dengan zon penampakan besar antara ladang ke ladang dan sempadan luar, ada sistem ZDP (Zero Discharge Policy) dan ladang dibuat secara tertutup seperti penternakan ayam," katanya dalam sidang media khas di pejabatnya di SUK di sini semalam.

Mengulas lanjut Izham berkata, Sultan Sharafuddin tidak berkenan dengan pembaharuan lesen sementara bagi ladang pen-

ternakan babi di daerah Kuala Langat.

"Kita tidak akan keluaran lesen berkenaan, tetapi saya akan bawa perkara ini ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada Rabu ini. (Lesen)... kita hanya akan keluaran untuk tempat yang baharu nanti di Bukit Tagar nanti.

"Saya akan bawa dulu ke MMKN untuk mendapatkan panduan seterusnya sebab keputusan ini dibuat dalam MMKN. Jadi kita perlu mendapatkan persetujuan menerusi mesyuarat itu.

"Selepas pemindahan ladang-ladang babi berkenaan, tanah-tanah di tapak ladang berkenaan akan dipulihkan semula dan dirawat sebelum dapat digunakan semula tanah-tanah untuk tujuan pertanian.

Beliau berkata, setakat ini terdapat 115 ladang penternakan babi di seluruh Selangor termasuk yang beroperasi secara haram.

"Ladang ada 115 tetapi pemiliknya ada setengah itu memiliki dua hingga tiga ladang. Jadi kita akan panggil semua yang terbabit untuk proses pemindahan nanti dan selepas ini semua ladang di Kuala Langat dan Sepang akan ditutup sepenuhnya," katanya.

Terdahulu media melaporkan, Sultan Selangor murka dengan perancangan kerajaan negeri yang membenarkan operasi penternakan babi di Tanjung Sepat, Kuala Langat, bermula tahun ini, sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar pada 2030.

Menerusi titah kenyataan, baginda tidak bersetuju khususnya apabila ada kemungkinan ia membabitkan penternakan babi berskala besar dan berorientasikan eksport ke luar negara.

Kerajaan Selangor tidak akan sedia peruntukan operasi ternakan babi

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
dan **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan Selangor tidak akan menyediakan sebarang peruntukan kewangan atau membuat pelaburan bagi mana-mana operasi penternakan babi pada masa hadapan. Ia antara tiga perkara yang diperkenan dan ditetapkan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selepas berkenan menerima menghadap Exco Infrastruktur dan Pertanian, Datuk Izham Hashim serta Exco Kerajaan Tempatan dan Pelancongan, Datuk Ng Suee Lim di Istana Bukit Kaya-angan, Shah Alam semalam. Baginda menegaskan, ketiadaan penyediaan sebarang

oleh Istana Alam Shah.

Selain itu, Sultan Sharafuddin menitahkan agar tiada lagi operasi penternakan babi di kawasan Tanjong Sepat, Kuala Langat.

"Justeru, operasi sedia ada hendaklah dihentikan secara beransur-ansur dan seterusnya dipindahkan sepenuhnya ke kawasan Bukit Tagar, mengikut perancangan yang tersusun serta mematuhi semua keperluan perundangan dan peraturan berkaitan," titah baginda. Sultan Selangor turut menegakkan satu kajian yang terperinci serta banciaan menyeluruh berasaskan data yang sah dilaksanakan bagi mengenalpasti statistik serta kuantiti sebenar keperluan dan permintaan daging babi khusus

untuk kegunaan rakyat bukan Islam di Selangor.

"Baginda menegaskan bahawa tiada sebarang tujuan atau perancangan untuk eksport hasil penternakan tersebut.

"Dapatkan kajian ini hendaklah dijadikan asas utama dalam menentukan skala, kapasiti dan keluasan operasi penternakan babi di Bukit Tagar, agar ia kekal pada tahap yang munasabah dan terkawal," kata kenyataan itu. Baginda juga berharap semua pihak yang terlibat dapat melaksanakan ketetapan ini dengan penuh tanggungjawab, berhemah dan mematuhi undang-undang.

"Demi memastikan kesejahteraan rakyat, kelestarian alam sekitar serta keharmonian masyarakat berbilang kaum di

Selangor sentiasa terpelihara," titah baginda.

Sementara itu, Izham berkata, ladang babi berpusat di Bukit Tagar, Hulu Selangor akan dibina bagi memampatkan pemindahan 112 ladang dari Tanjong Sepat, Kuala Langat seawal tahun ini.

Pembinaan ladang berkonsepkan penternakan moden itu akan dibuat di atas tanah seluas kira-kira 202 hektar yang dikancahkan jauh dari kawasan perumahan.

Beliau berkata, ia dibuat menerusi cadangan beberapa buah tapak berstatus pertanian.

Katanya, ladang babi moden itu dibina bagi memastikan pematuhan terhadap penyelesaian berhubung isu alam sekitar dan keharmonian penduduk dapat dilaksanakan.

Sultan Sharafuddin menitahkan agar tiada lagi operasi penternakan babi di kawasan Tanjong Sepat, Kuala Langat.

peruntukan kewangan atau pelaburan terhadap operasi penternakan babi itu termasuk di kawasan Bukit Tagar.

"Segala urusan berkaitan hendaklah dilaksanakan tanpa melibatkan dana awam negeri," titah baginda menerusi kenyataan akhbar yang dikeluarkan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/1/2025	KOSMO	MUKA HADAPAN	1

Bukit Tagar 'rumah baharu' babi



- Operasi pindah ladang ternakan babi dipercepatkan tahun ini
- 115 ladang babi di Kuala Langat, Sepang akan ditutup sepenuhnya

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM – Kesemua 115 ladang ternakan babi di Kuala Langat dan Sepang, melibatkan 100,000 ekor babi akan ditutup dan dipindahkan ke ladang berpusat moden di Bukit Tagar, Hulu Selangor secara berperingkat.

Operasi pemindahan ternakan babi ke sebuah kawasan la-

dang sawit seluas 202 hektar itu akan disegerakan tahun ini.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir. Izham Hashim berkata, pihaknya kini dalam proses menyelesaikan isu tanah di lokasi khas baharu itu terutama melibatkan kebenaran merancang (KM) daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

►BERSAMBUNG DI MUKA 2

Bukit Tagar 'rumah baharu' babi

DARI MUKA 1

Katanya, selepas itu, pihaknya akan memanggil semua penternak bagi memperincikan syarat ketat dan menentukan jumlah sebenar keseluruhan babi bagi pemindahan tersebut.

"Berdasarkan statistik, terdapat 115 ladang dikenal pasti di Kuala Langat dan Sepang dengan melibatkan 100,000 ternakan babi. Pemindahan itu akan dilakukan secepat mungkin pada tahun ini.

"Perkara itu akan dibincangkan secara terperinci untuk dimuktamadkan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Rabu ini," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, langkah itu dibuat selaras dengan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah selain menangani isu pencemaran bau dan air serta wabak demam babi Afrika (ASF).

Justeru, kerajaan negeri tidak lagi membenarkan operasi ladang babi diteruskan walaupun secara sementara di Kuala Langat dan Sepang selain tiada pembaharuan lesen.

"Bukit Tagar dikenal pasti satu-satunya lokasi baharu bagi ternakan itu di Selangor dengan syarat ketat termasuk zon penampungan luas, sistem tertutup dan kaedah zero discharge.

"Lokasi di tanah milik persendirian itu terletak di kawasan jauh dari lokaliti penduduk dan sungai. Semua kos akan dibiayai oleh pihak swasta dan bukannya kerajaan negeri," ujarnya.

Katanya, Selangor tidak pernah menjadi pengekspor babi, sebaliknya pengeluaran sedia ada hanya memenuhi keperluan masyarakat bukan Islam di negeri ini.

"Sebelum wabak ASF, pengeluaran babi hanya memenuhi kira-kira 60 peratus keperluan negeri dan kini pengeluarannya



KEADAAN parit yang dicemari sisa najis babi di Tanjung Sepat.



IZHAM

berada sekitar 30 peratus.

"Kerajaan negeri akan meneliti semula angka populasi maksi-

mum ternakan bagi memastikan jumlahnya tidak melebihi keperluan sehingga membawa kepada eksport," katanya.

Izham berkata, kerajaan negeri menjunjung kasih titah Sultan Selangor yang tidak berkenan operasi sementara ternakan di Kuala Langat diteruskan.

Terdahulu, Izham menghadap Sultan Sharafuddin di Istana Bukit Kayangan, selama 45 minit bagi menyembah maklum berkaitan isu ternakan babi di Kuala Langat yang tidak dipersejui baginda.

Sabtu lalu, Sultan Sharafuddin

tidak bersetuju dengan keputusan kerajaan negeri yang membenarkan operasi ternakan babi di Tanjung Sepat sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar.

Baginda menzahirkan kebimbangan berikutan Kuala Langat didiami ramai penduduk Melayu dan masalah ternakan babi di kawasan itu masih gagal diselesaikan sepenuhnya sejak 2010.

Justeru, Sultan Sharafuddin turut mengusulkan kepada wakil-wakil rakyat menetap bersebelahan kawasan ternakan babi seperti di Kuala Langat bagi menempuh sendiri pengalaman

sebenar seperti dialami penduduk.

Kosmo! semalam pula melaporkan, isu ternakan babi yang menghantui penduduk sekitar Tanjung Sepat sudah berlarutan sejak sekian lama, namun didakwa kembali aktif dua bulan lalu selepas berakhirnya jangkitan demam babi Afrika.

Penduduk mendakwa, aktiviti itu menyebabkan mereka terpaksa menghidu bau busuk selain najis dilepaskan terus ke laut, menyebabkan parit dan aliran air yang menjadi laluan utama najis bertukar menjadi hitam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/1/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

Tiada lagi penternakan babi di Tanjong Sepat - Sultan Selangor

SHAH ALAM - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan supaya tiada lagi operasi penternakan babi di sekitar Tanjong Sepat, Kuala Langat.

Baginda bertitah, operasi sedia ada perlu dihentikan secara beransur-ansur dan seterusnya dipindahkan sepenuhnya ke Bukit Tagar mengikut perancangan tersusun serta mematuhi keperluan perundangan dan peraturan berkaitan.

Ketetapan itu dibuat selepas Sultan Sharafuddin berkenan menerima menghadap Exco Infrastruktur dan Pertanian

negeri, Datuk Ir Izham Hashim dan Exco Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pelancongan negeri, Datuk Ng Suee Lim di Istana Bukit Kayangan.

"Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah meneliti secara mendalam perkara berkaitan pengurusan dan hala tuju operasi penternakan babi dengan mengambil kira ke-

pentingan rakyat, kesejahteraan alam sekitar serta keharmonian sosial di negeri ini," menurut kenyataan dikeluarkan Istana Alam Shah pada Isnin.

Dalam pada itu, baginda turut menitahkan satu kajian terperinci serta bancian menyeluruh berasaskan data sah dilaksanakan bagi mengenal pasti statistik serta kuantiti sebenar keperluan serta permintaan daging babi khusus untuk ke-

gunaan rakyat bukan Islam di Selangor.

Baginda menegaskan, tiada sebarang tujuan atau perancangan untuk eksport hasil penternakan tersebut.

Dapatan kajian itu pula perlu dijadikan asas utama dalam menentukan skala, kapasiti dan keluasan operasi penternakan babi di Bukit Tagar agar kekal pada tahap munasabah dan terkawal.

"Baginda juga menegaskan kerajaan Selangor tidak akan menyediakan sebarang peruntukan kewangan, pelaburan atau melibatkan dana awam negeri," katanya.



SULTAN SHARAFUDDIN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/1/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

Ladang babi akan segera dipindahkan

Pembaharuan lesen di Kuala Langat, Sepang dihentikan serta-merta

LAPORAN MUKA DEPAN



IZHAM

Oleh AISYAH BASARUDDIN

SHAH ALAM - Perancangan untuk memindahkan ladang penternakan babi ke kawasan moden berpusat di Bukit Tagar, Hulu Selangor akan disegerakan selewat-lewatnya sebelum hujung tahun ini.

Itu antara intipati perbincangan antara Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir. Izhah Hashim ketika menghadap Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Isnin.

Menurut Izhah, isu tanah di Bukit Tagar juga perlu diselesaikan dengan segera bagi membolehkan proses pemindahan ke ladang seluas 202.34 hektar itu dilaksanakan.

"Dari segi pemberian lesen, berdasarkan titah Sultan Sharafuddin dalam pertemuan tadi, tidak ada yang akan diperbaharui di Kuala Langat dan Sepang walaupun sementara. Lesen dikeluarkan hanya di Bukit Tagar.

"Tetapi, saya kena bawa perkara ini ke dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) terlebih dahulu untuk memuktamadkannya.

"Isu ini sudah lama, jadi kami nak selesaikannya kerana ia berkaitan pencemaran bukan setakat bau, tetapi juga air. Ditambah pula demam babi Afrika yang kritikal, kita mesti tangani isu ini dengan lebih lestari," katanya ketika sidang media di Pejabat Ahli MMKN Selangor di sini pada Isnin.

Izhah turut mengambil maklum persoalan Sultan Selangor berhubung keluasan ladang babi di Bukit Tagar.

Jelasnya, Bukit Tagar dikenal pasti sebagai satu-satunya lokasi baharu penternakan babi dan tertakluk kepada syarat ketat termasuk kewujudan zon penampungan luas, sistem penternakan tertutup serta kaedah 'zero discharge' bagi mengelakkan pencemaran bau serta air.

"Tetapi syarat (di Bukit Tagar) memang ketat, antaranya mestilah ada penampungan, kemudian mesti dibuat tertutup supaya tidak ada kumbahan yang mengalir keluar.

"Ini antara syarat kita letak, ada 11 semuanya dan akan kita perincikan kemudian," ujarnya.

Jelas Izhah, semua projek pemindahan dan pembangunan dibiayai sepenuhnya pihak swasta.

INFO BUKIT TAGAR

- Bukit Tagar ialah sebuah kawasan di daerah Hulu Selangor.
- Bukit Tagar telah dijadikan tapak pelupusan sampah sejak 2005 seluas 800 hektar.
- Oleh kerana kedudukannya di hulu Sungai Selangor, sisa dari tapak pelupusan sampah telah mencemari bekalan air Sungai Selangor.
- Bekalan air dilaporkan berbau najis di Kuala Lumpur, Gombak, Petaling Jaya, Klang, Shah Alam, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Hulu Langat pada 26 Februari 2006.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/1/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	7

'Selangor pun tak cukup, macam mana nak eksport babi?'

SHAHALAM - Ternakan babi hanya memenuhi 60 peratus keperluan buat golongan bukan Islam di Selangor.

Exco Infrastruktur dan Pertanian negeri, Datuk Ir Izham Hashim berkata, atas sebab itu, tidak timbul isu untuk mengeksport babi atau sebagainya.

Bagaimanapun, beliau berkata, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah supaya angka dan populasi babi diteliti semula dengan lebih tepat.

"Sekarang ini kita di peringkat 30 peratus yang ditenak untuk keperluan di Selangor. Jadi, tidak timbul isu eksport sebagaimana dimainkan pembangkang.

"Ada yang timbulkan kata Selangor nak jadi pengeksport babi terbesar. Sejak bila pula? Saya tekankan tak pernah (berhasrat begitu)! Daripada mana mereka dapat angka begitu?

"Nak eksport macam mana kalau keperluan (rakyat bukan beragama Islam) untuk negeri pun tak cukup," katanya.

Izham menambah, pihaknya akan membawa segala dapatan perbincangan selama 45 minit bersama Sultan Sharafuddin ke MMKN yang dijadualkan bersidang pada Rabu ini.

Sinar Harian pada Isnin melaporkan kemurkaan Sultan Selangor berkaitan isu penternakan babi menyebabkan penduduk setempat terseksa selama 20 tahun.